B Lihat gambar di bawah. Suaikan, kemudian tulis ayat yang telah lengkap di ruang yang disediakan. TP 2

UNIT 12

1	Para penduduk Taman Senandung _____.	• di kawasan kejiranan
2	Sikap penduduk Taman Senandung _____.	• sedang bergotong-royong
3	Mereka memotong rumput yang panjang _____.	• tidak tersumbat
4	Ada penduduk mencuci longkang supaya _____.	• wajar dicontohi

LIVEWORKSHEETS

UNIT 2

C Isi tempat kosong dalam petikan dengan perkataan yang betul. TP 3

kampung	nyamuk	gotong-royong	tin-tin minuman	tong kitar semula

Melur dan adiknya Melati tinggal di sebuah (1) _____ yang bernama Kampung Sepakat. Jiran-jiran mereka sangat baik. Pada suatu hari, ada penduduk di Kampung Sepakat dijangkiti demam denggi.

Ketua Kampung mencadangkan agar diadakan (2) _____ membersihkan kawasan kampung. Para penduduk bersetuju dengan cadangan ketua kampung. Pada hari tersebut, Melur, Melati dan para penduduk kampung membersihkan kampung mereka. Melur membuang bekas-bekas yang berisi air bertakung. Mereka juga mengumpul (3) _____ kosong lalu dibuang ke dalam (4) _____.

Semua tempat yang mempunyai potensi air bertakung telah dibersihkan agar tidak ada (5) _____ aedes yang membiak. Semua penduduk kampung berasa gembira kerana kampung mereka kini telah bersih.

D Nyatakan perasaaan kamu dalam ayat di bawah. TP 4

1 Jiran kamu akan mengadakan kenduri majlis perkahwinan. Kamu dan keluarga membantu jiran kamu itu. Perasaan kamu ialah

_____.

2 Kamu dan jiran-jiran kamu bergotong-royong membina jambatan baharu untuk penduduk kampung. Perasaan kamu ialah

_____.

3 Kamu membantu jiran-jiran kamu mencuci longkang di kawasan perumahan. Perasaan kamu ialah

_____.

4 Kamu dan jiran-jiran bergotong-royong membaik pulih kampung selepas dilanda ribut. Perasaan kamu ialah

_____

LIVEWORKSHEETS

E Bulatkan cara menyelesaikan masalah yang betul bersama jiran kamu. TP 5 TP 6

1 Longkang di sekitar kawasan perumahan anda tersumbat.

Cara: **A** Menyuruh jiran membersihkan longkang tersebut.

B Membersihkan longkang tersumbat bersama-sama jiran.

2 Risalah-risalah itu tidak dapat diedarkan.

Cara: **A** Kamu dan rakan mengedarkan risalah-risalah itu.

B Kamu tidak melakukan apa-apa.

3 Pokok-pokok bunga di dewan orang ramai mati kerana tidak dijaga.

Cara: **A** Jiran tetangga bergotong-royong menanam semula pokok bunga.

B Jiran tetangga hanya memerhatikan sahaja perkara itu.

4 Pinggan mangkuk tidak dicuci semasa majlis perkahwinan.

Cara: **A** Bergotong-royong mencuci pinggan mangkuk.

B Buat tidak nampak pinggan mangkuk tersebut dan mengharapkan orang lain akan mencucinya.

5 Jiran baharu, Amirul iaitu keluarga Gopal sedang mengangkat barang-barang ke dalam rumah.

Cara: **A** Tidak mengendahkan jiran baharu.

B Membantu jiran mengangkat barang-barangnya.

LIVEWORKSHEETS